

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Isnin, 14 Disember 2015



Budaya membaca semakin meningkat

Program kesedaran beri kesan positif

SURIANA KAHSIM | 14 Disember 2015 12:04 AM



NAFISAH AHMAD (kanan) diiringi Pengurus Korporat KTMB, Mohd. Nordin Kimi beramah mesra bersama penumpang kos perkhidmatan tren elektrik (ETS) sebelum pelepasan sempena program Jauh Perjalanan, Luas Pengetahuan 2015 dari Kuala Lumpur ke Padang Besar di KL Sentral, Kuala Lumpur, baru-baru ini. UTUSAN/ MOHD. NOOR MAT AMIN

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Budaya membaca makin diamalkan oleh rakyat negara ini berikutan pelbagai program galakan telah dilaksanakan.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad berkata, berdasarkan kajian yang dilaksanakan pihaknya pada tahun 2009 purata seorang rakyat Malaysia membaca adalah lapan hingga 12 buku setahun.

Katanya, berbanding kajian pada tahun 1996, purata seorang individu membaca hanyalah dua buku dalam setahun.

“Walaupun ia masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan PNM iaitu 40 buah buku setahun, peningkatan tersebut menunjukkan program yang dijalankan pihak kami selama ini memberi kesan positif kepada masyarakat.

“Jika dahulu susah untuk kita melihat orang ramai membaca buku di tempat awam tetapi hari ini boleh dilihat di mana-mana.

“Hal ini memberi gambaran positif bahawa masyarakat makin membudayakan amalan membaca,” katanya dalam sidang media selepas majlis pelepasan program Jauh Perjalanan, Luas Pengetahuan 2015 di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi; Presiden Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Leftenan Kolonel (B) Sarbini Tijan dan Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie.

Menurut Nafisah, pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi menggalakkan budaya membaca antaranya adalah perpustakaan desa.

“Sebanyak 1,112 perpustakaan desa telah diwujudkan. Selain itu, pinjaman buku atas talian merupakan langkah terbaharu diperkenalkan yang menggunakan khidmat penghantaran pos laju.

“PNM juga mengambil inisiatif mengumpul koleksi bahan bacaan digital yang boleh diakses melalui laman web bagi memudahkan pengguna ,” katanya.

Sementara itu, Sarbini berkata, KTMB turut menyahut hasrat kerajaan dalam meningkatkan budaya membaca kalangan masyarakat dengan menyediakan ruang khas bagi menempatkan bahan bacaan dalam koc perkhidmatan tren elektrik (ETS).

“Daripada masa dihabiskan tidur sepanjang perjalanan, mereka boleh memanfaatkannya dengan membaca buku,” katanya.